

سوارا مسجد العظيم  
**Suara  
Masjid  
Al-Azim**



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 6/3/2009**

USTAZ MOHD AMIRUDIN BIN AHMAD - IMAM 2

USTAZ HJ. AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL 1

**(Tajuk Khutbah : Erti Cinta Kepada  
Rasullullah)**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.04	7.20	1.25	4.36	7.26	8.35	5.54

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

**Bil. 10/2009**

**Tarikh: 6 Mac 2009 / 9 Rabiulawal 1430H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

## **RAHSIA LUQMAN AL-HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK**

*Sambungan dari minggu yang lepas*

**25. Hikmah Luqman mengenai beretika baik.**

Luqman berkata kepada anaknya, "Puteraku, siapa sahaja yang mengasihi akan dikasihi. Siapa sahaja yang diam akan selamat. Siapa sahaja berkata baik akan beruntung. Siapa sahaja berkata buruk akan berdosa. Siapa sahaja yang tidak memelihara lidahnya akan menyesal."

**26. Hikmah Luqman mengenai cubaan hidup.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, emas itu perlu ditimpa dengan api. Begitu juga hamba yang soleh perlu ditimpa dengan ujian. Apabila Allah mencintai sekelompok orang maka dia akan menguji mereka. Siapa sahaja yang reda dengan ujian Allah itu maka dia juga mendapat keredaannya. Namun, siapa sahaja yang murka maka dia juga mendapat kemurkaannya."

**27. Hikmah Luqman mengenai kematian.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, suatu perkara yang kamu tidak ketahui apabila ia akan mendatangimu, maka bersiap-siaplah sebelum ia datang kepadamu dengan tiba-tiba."

**28. Hikmah Luqman mengenai perut kenyang.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jika perutmu dalam keadaan penuh dengan makanan, maka fikiranmu tidak cergas, hikmah yang ada padamu menjadi bisu dan anggota tubuh juga enggan untuk beribadah."

**29. Hikmah Luqman mengenai cara menjadi orang yang terhormat.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, aku nasihatkan kepadamu beberapa perkara yang apabila kamu berpegang teguh, maka

kamu akan tetap menjadi orang yang terhormat. Pertama, pamerkan akhlakmu pada orang dekat dan orang jauh. Kedua, jangan bersikap kejam pada orang yang baik mahupun orang jahat. Ketiga, sambunglah silaturahim dengan keturunanmu. Keempat, jagalah saudara-saudaramu dan selamatkan mereka daripada pengadu domba yang sentiasa berusaha untuk merosak hubunganmu dan ingin memperdayamu. Hendaklah saudara-saudaramu itu merupakan orang-orang yang apabila kamu berpisah daripada mereka ataupun mereka berpisah daripadamu, kamu tidak mencela mereka dan mereka tidak mencelamu."

**30. Hikmah Luqman mengenai menghadapi masalah.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, janganlah kamu menghilangkan kemuraman wajahmu dengan masalah. Janganlah kamu mengubati kemarahanmu dengan kekejamanmu. Ketahuilah itu akan bermanfaat bagi hidupmu."

**31. Hikmah Luqman mengenai orang bijak (1).**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, utuslah seseorang untuk menemui orang bijak dan berilah dia pesan."

**32. Hikmah Luqman mengenai orang bijak (2).**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, utuslah seseorang untuk menemui orang bijak dan tidak perlu kamu beri pesan lagi."

**33. Hikmah Luqman mengenai dunia dan akhirat.**

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku,



## HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



*Sambungan dari minggu lepas*

### 4. Nabi Isa dan Hawariyun (Pengikut Setia)

Ketika Nabi Isa telah cukup dewasa, dia mempunyai para pengikut yang setia. Para pengikut setia itu dikenali dengan nama Hawariyun. Atas kekuasaan Allah S.W.T. Isa mempunyai beberapa mukjizat agar menjadi tanda bagi manusia, sehingga mahu mengikut Nabi Isa. Di antara Mukjizat itu, Nabi Isa mampu menyembuhkan penyakit buta sejak bayi, penyakit sopak dan menghidupkan kembali orang yang sudah mati.

Datang kepadanya orang yang menderita penyakit sopak di sekujur tubuhnya. Dia mengusap orang itu lalu mendoakannya dan seketika itu sembuh seperti semula. Ada juga orang buta sejak masih bayi dan tidak mampu bercakap, datang meminta disembuhkan penyakitnya. Isa mengusap orang itu dan berdoa agar disembuhkan penyakitnya. Orang itu juga sembuh. Ada lagi orang yang didatangkan kepada Isa kerana sakit parah, tetapi setelah sampai kepada Isa orang itu meninggal dunia.

Nabi Isa mengusapnya dan mendoakannya, maka orang yang sudah mati itu kembali hidup.

### 5. Isa Menghadapi Farisiyin

Mereka adalah sekumpulan ulama Yahudi yang memusuhi Isa dan mendustakan dakwahnya. Mereka memfitnah Nabi Isa di hadapan pemimpin Rom, Yablatus. Mereka menuduh bahawa Isa membuat pernyataan yang mengganggu keamanan kekuasaan Rom.

### 6. Kitab Injil

Allah S.W.T. telah menurunkan Kitab Injil kepada Nabi Isa sebagai Pembena Kitab Taurat Nabi Musa, bukan kitab-kitab yang telah diubah oleh kaum Yahudi. Orang-orang Yahudi berkata bohong kepada Allah S.W.T. padahal mereka mengetahui. Di dalam Injil terdapat khabar gembira bahawa akan datang seorang Nabi yang bernama Ahmad, Nabi dan Rasul yang terakhir. Di dalam Kitab Injil juga terdapat hikmah, hukum, syariat dan pentunjuk bagi manusia.

*Bersambung di m/s 3 >>>*

<< < sambungan dari m/s 1

juallah duniamu dengan akhiratmu. Jika itu kamu lakukan, niscaya kamu akan mendapatkan keuntungan dari keduanya. Namun, jangan jual akhiratmu dengan duniamu, kerana kamu mendapatkan kerugian pada keduanya."

### 34. Hikmah Luqman mengenai persiapan ke akhirat.

Luqman berkata pada anaknya, "Puteraku, manusia melengahkan apa yang dijanjikan kepada mereka sedangkan mereka bergegas menuju ke akhirat. Sejak kamu singgah di dunia, sejak itu pula kamu akan meninggalkannya menuju akhirat bersama nafasmu, sebagaimana kamu terjaga dari tidurmu. Demikian pula kamu dibangkitkan dari kematian."

### 35. Hikmah Luqman mengenai hutang.

Luqman berkata kepada puteranya, "Hindari hutang! Hutang itu menyebabkan orang yang berhutang menjadi hina di waktu siang dan menjadi beban fikiran pada waktu malam."

### 36. Hikmah Luqman mengenai kejahatan dan kebaikan.

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, pasti berdusta orang yang berkata, 'Kejahatan bisa memadamkan kejahatan.' Se-

kiranya apa yang dikatakan orang itu benar, suruhlah dia menyalakan kedua-dua api supaya dia dapat melihat apakah salah satu dari api itu dapat memadamkan api yang lainnya? Sesungguhnya hanya kebaikan yang dapat memadamkan kejahatan, sebagaimana air memadamkan api."

### 37. Hikmah Luqman mengenai kefakiran.

Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, aku memakan labu yang pahit dan perasan pohon yang pahit tetapi aku belum pernah mendapatkan suatu perkara yang lebih pahit dari pada kefakiran. Sekiranya kamu sedang dalam keadaan memerlukan, maka janganlah kamu membicarakan keperluanmu itu kepada orang lain. Ini sebaiknya kamu lakukan supaya jangan sampai ada orang yang mencelamu. Oleh kerana itulah, mintalah kurnia Allah. Adakah orang yang meminta kepada Allah dan dia tidak memberinya? Adakah orang yang berdoa kepadanya dan dia tidak menjawabnya? Adakah orang yang mengeluh kepadanya dan dia tidak menghilangkan kesusahannya?"

*Bersambung di minggu hadapan*

## 7. Yahudza al-Iskharyuth

Pemerintah Rom menjadi terpengaruh dengan fitnah ahli kitab Yahudi. Oleh sebab itu, mereka memberikan perintah agar Isa dibunuh dan disalib sebagai balasan ucapannya yang mengganggu keamanan kekuasaan Rom.

Pemimpin dan panglima Rom itu tidak mengenal wajah Isa, sehingga panglima yang diberi perintah untuk menangkap Isa diberitahunya bahawa salah seorang murid Isa yang bernama Yahudza boleh menunjukkan Isa dengan imbalan sejumlah wang yang akan dia terima.

Panglima yang mendapat tugas itu datang di suatu tempat yang di sana ada Nabi Isa. Yahudza menunjukkan Nabi Isa kepada panglima itu. Akan tetapi, Allah S.W.T. menjadikan nabi Isa samar bahkan Yahudza sendiri yang ditangkap oleh mereka. Yahudza yang difikir Nabi Isa itu dibawa ke suatu tempat yang bernama Jalialah, iaitu suatu bukit di Baitul Maqdis.

Yahudza berteriak kuat bahawa dia bukanlah Isa. Akan tetapi, suaranya tidak bererti di tengah teriakan ribuan manusia yang ingin melihat penyaliban Isa. Adapun Nabi Isa sendiri telah diangkat Allah S.W.T. dari bumi dan dimuliakan.

Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Dan kerana ucapan mereka, 'Sesungguhnya Kami telah membunuh al-Masih, Isa putera Maryam, Rasul Allah S.W.T.' padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak (pula) menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya, orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa, benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa yang dibunuh itu, kecuali mengikut persangkaan belaka, mereka tidak (pula) yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa. Tetapi (yang sebenarnya), Allah S.W.T. telah mengangkat Isa kepada-Nya dan adalah Allah S.W.T. Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. "Di mana ada kemahuan di sana ada jalan, di mana ada kesulitan di situ ada kelapangan.

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

**27.2.2009 - RM 4,077.00**

**PERINGATAN :**

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Sembilan Puluh Lapan

هَيَّا نَذْهَبُ لِلنَّزْهَةِ

**MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR**

الإبن : يَا أَبِي، هَيَّا نَذْهَبُ لِلنَّزْهَةِ غَدًا!

Anak: Ayah, marilah kita pergi bersiar-siar esok!

الأب : أَيْنَ سَنَذْهَبُ غَدًا؟

Bapa: Kemana kita akan pergi esok?

الأم : كَيْفَ إِذَا نَذْهَبُ إِلَى شَاطِئِ الْبَحْرِ لِلنَّزْهَةِ؟

Ibu: Bagaimana jika pergi ke tepian pantai untuk bersiar-siar?

الإبن : أَنَا مُوَافِقٌ، فِكْرَةٌ جَيِّدَةٌ!

Anak: Saya bersetuju, satu idea yang bagus!

**المُعْجَمُ :** Kamus

لِلنَّزْهَةِ : untuk bersiar-siar

شَاطِئِ الْبَحْرِ : tepian pantai

مُوَافِقٌ : bersetuju

## SIDANG REDAKSI

### PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

### PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

### PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pegawai JAIM)

### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
Bin Hashim Al-Hafiz  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

### EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

### PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim  
(Imam Satu)

### SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad  
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid  
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidil Bin Jaapar  
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

# EKSPO MAULIDUR RASUL & KEMPEN BERZAKAT

6-9 Mac 2009 di Kompleks Al-azim, Jalan Bukit Palah, Melaka.

(Anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Pusat Zakat Melaka)

Untuk Keterangan Lanjut, Sila Hubungi Urusetia Ekspo di Talian 06-281 2441/06-2812442/06-281 2443

TARIKH	MASA	AKTIVITI	TEMPAT
6 Mac 2009 (Jumaat)	8.00 pg.-1.00 tgh	<b>Motivasi Kecemerlangan Pelajar</b> Penceramah: • Ustaz Rahimin Bani (JAIM) • Puan Norliah Bt Kudus (UTEM)	Auditorium Al-Azim
	8.00 pg-5.00 ptg	<b>Pertandingan Marhaban &amp; Berzanji</b> (Dewasa Lelaki & Wanita)	Pentas Utama
	9.00 pg-3.00 ptg	<b>Kempen Derma Darah</b>	Ruang Legar Kompleks Al-Azim
	9.00 pg-3.00 ptg	<b>Bengkel Khat</b>	Ruang Legar Kompleks Al-Azim
	3.00 ptg-5.00ptg	<b>Seminar Keibubapaan</b> Fasilitator : • Ustaz Fadli bin Samin Tajuk : "Permata Ayah Bonda"	Auditorium Al-Azim
	9.00 mlm-11.00 mlm	<b>Ceramah Perdana</b> Penceramah: • Ustaz Zul Ramli bin M. Razali Tajuk : "Rindu Rasulullah"	Pentas Utama
7 Mac 2009 (Sabtu)	8.00pg-1.00 tgh	<b>Pertandingan Nasyid</b> (Sekolah Rendah)	Pentas Utama
	8.00 pg-5.00 tgh	<b>Pertandingan Marhaban &amp; Berzanji</b> (Sekolah Menengah)	Dataran Al-Azim
	8.00 pg-5.00 ptg	<b>Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam</b>	Bilik Kuliah
	9.00 pg	<b>Pelancaran Skuad Kembara Zakat</b>	Pentas Utama
	9.00 pg-12.00 tgh	<b>Seminar Isu Semasa</b> (Gerakan Liberalisma di Malaysia)	Auditorium Al-Azim
	9.00 pg-5.00ptg	<b>Extreme Game</b>	Padang Kompleks Al-Azim
	2.30 ptg-5.00ptg	<b>Taklimat Program ESQ (Preview)</b>	Auditorium Al-Azim
	8.30mlm-10mlm	<b>Persembahan Malam Kesenian Islam</b> Artis: Rabbani & Amy Search Tema: Malam Aspirasi Kemanusiaan	Pentas Utama
8 Mac 2009 (Ahad)	7.30 pg	<b>Senamrobik</b>	Pentas Utama
	8.00 pg-12.00 tgh	<b>Sukaneka</b>	Padang Al-Azim
	8.00 pg-12.00 tgh	<b>Pertandingan Pakaian Beragam</b> (Tadika Jaim)	Pentas Utama
	8.00 pg-12.00 tgh	<b>Ceramah Menangani Stress</b> Penceramah : • Dr Romzi • Prof. Datuk Dr. Abu Bakar bin Md. Diah (UTeM)	Auditorium Al-Azim
	8.00 pg-5.00 ptg	<b>Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Islam</b>	Bilik Kuliah
	8.00 pg-5.00 ptg	<b>Extreme Game</b>	Padang Kompleks Al-Azim
	8.00 pg-5.00 ptg	<b>Street Soccer</b>	Dataran Kompleks MAIM
	9.00 pg-12.00 tgh	<b>Pertandingan Mewarna Kanak-kanak Tadika</b>	Muzium Al-Quran (PERZIM)
	9.00 pg-12.00 tgh	<b>Semarak Tulisan Jawi/Khat</b>	Muzium Al-Quran
	3.00 ptg-5.00ptg	<b>Pertandingan Kompang</b>	Pentas Utama
	3.00 ptg-5.00ptg	<b>Ceramah Motivasi Untuk Pekerja Sukarelawan Negeri Melaka</b>	Auditorium Al-Azim
	9.00 mlm-11.00 mlm	<b>Majlis Malam Hafla Maulud Diba'i</b>	Pentas Utama
	9 Mac 2009 (Isnin)	7.00 pg-12.00 tgh	<b>Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1430H/2009M</b>
8.00 pg-5.00 ptg		<b>Extreme Game</b>	Padang Kompleks Al-Azim
2.30 ptg-5.00 ptg		<b>Seminar Keluarga Cemerlang</b> "Meneguh Cinta Menyubur Kasih" Penceramah: Encik Ahmad Shafiai bin Uda Jaafar	Auditorium Al-Azim
2.30 ptg-5.00 ptg		<b>Pertandingan Memasak</b> (Saudara Baru Orang Asli)	Ruang Legar Kompleks Al-Azim
9.00 mlm-11.00 mlm		<b>Forum Perdana Ehwat Islam</b> Pengurus : Ustaz Mohamad Salman bin Joned (KTIAM) Panel: • Ustaz Zahazan bin Muhamad (UIAM) • Brigediar Janeral Datuk Hj. Najmi bin Ahmad (KAGAT)Majlis Penutup Ekspo	Pentas Utama